

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET KUALA LUMPUR

KES T1 – P83 – 357 – 2005

ANTARA

PENDAKWARAYA

DAN

EDMUND BON TAI SOON

(NO. K/P: 740606-14-5575)

ALASAN PENGHAKIMAN

Lokasi kejadian adalah di Jalan Ampang dari arah Jalan Sultan Ismail menghala ke arah Jalan Lebu Ampang. Waktu kejadian adalah lebih kurang pukul 2.15 pagi pada 3.4.2005. Seorang pemandu Toyota Altis berwarna gelap dengan nombor pendaftaran WKU 226 telah ditahan oleh seorang anggota trafik, Konstabel R/F 153596, yang bertugas dalam satu operasi pelbagai kesalahan dan pemandu yang disyaki di bawah pengaruh alkohol. Anggota tersebut telah di arahkan untuk menahan pemandu itu oleh Koperal Zulkifli B. Mohd (R/F 119117 yang merupakan SP1). SP1 telah arahkan Lans Koperal R/F 127045 Ahmad Ridzuwan (SP3) untuk membuat ujian pernafasan ke atas pemandu WKU 226.

SP3 menggunakan alat SD2 VAS II no. siri 35380 untuk menguji pernafasan pemandu itu. Satu pemipit baru telah digunakan. SP3 mengarahkan pemandu itu meniup pemipit itu sehingga diarahkan berhenti. Pemandu itu berada di tempat duduk pemandu di keretanya. Hasil bacaan yang didapati adalah 95mg alkohol iaitu lebih daripada 80mg alkohol dalam 100 ml darah yang dibenarkan. SP3 memaklumkan SP1 hasil bacaan itu dan SP1 mengarahkan SP3 membawa pemandu itu ke Balai Polis Trafik Tun H.S. Lee (balai trafik) untuk tindakan selanjutnya. SP3 telah membenarkan pemandu itu memandu keretanya sendiri dan SP3 duduk di tempat penumpang. (Perkara ini tidak mempunyai impak pada pertuduhan tetapi penyalahgunaan budibicara SP3 ini akan saya bincangkan di akhir penghakiman ini.) Mereka tiba di balai trafik lebih kurang 2.35 pagi.

Di balai trafik, pemandu itu telah diserahkan ke Sarjan Mejar Zulkepli bin Ibrahim (R/F 69738 yang merupakan SP2) lebih kurang 2.40 pagi. SP2 memiliki satu sijil pengujian (P4) yang membenarkan beliau mengendalikan Lion Alcolmeter EBA MA026 (EBA), alat yang digunakan untuk mengukur kandungan alkohol dalam darah pemandu itu. Pemandu itu diberi 20 minit berehat tanpa makan, minum ataupun rokok. Dalam 20 minit itu, SP2 telah mengambil butiran pemandu itu dan menerangkan teknik hembusan yang diperlukan. Jam 3.03 pagi, bacaan pada alat EBA menunjukkan 143mg alkohol/100ml darah.

Hembusan kedua pula gagal menunjukkan bacaan kerana melebihi masa. Nama pemandu itu ialah Edmund Bon Tai Soon. Rekod Ujian Hembusan ditanda sebagai P5.

Dengan hasil bacaan yang pertama, iaitu 63mg alkohol / 100ml darah lebih daripada had 80mg alkohol/100ml darah, Edmund Bon telah dituduh dengan pertuduhan berikut:

“Bahawa kamu pada 03/04/2005 jam lebih kurang 0215hours di Jalan Ampang dari arah Jalan Sultan Ismail menghala ke arah Jalan Lebu Ampang, dalam Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan sebagai pemandu motokar no. pendaftaran WKU 226 telah memandu kenderaan tersebut di atas jalan dengan kadar alkohol dalam darah di dalam badan kamu sebanyak 143mg alkohol dalam 100ml darah, lebih sebanyak 63mg alkohol dalam 100ml darah pada had yang ditetapkan iaitu 80mg alkohol dalam 100 ml darah. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 45A (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).”

Edmund Bon (Orang Kena Tuduh – OKT) tidak mengaku bersalah dan memohon bicara. Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Mahkamah Trafik 1 yang bijaksana, Tuan Awang Zamain, dan pihak pendakwaan telah memanggil enam orang saksi untuk memberi keterangan. Peguam bela OKT yang bijaksana, Encik Amer Hamzah bin Arshad, telah cuba untuk menimbulkan pelbagai isu yang dikatakan akan menimbulkan keraguan munasabah di dalam kes pendakwaan.

Disamping SP1, SP2 dan SP3 yang sudah disebut identiti mereka di atas, pihak pendakwaan juga memanggil SP4, Dr. Osman bin Zakaria, Ketua Seksyen Kimia di Makmal Metrologi Kebangsaan Sirim Bhd dan SP5, Puan Haslina Binti Abdul Kadir, Pegawai di Makmal

Metrologi Kebangsaan Sirim Bhd untuk menerangkan persoalan teknikal EBA dan SP6, Sarjan (kini Inspektor) Nor Aishah bt. Ishak (I/18896), pegawai penyiasat kes ini, untuk memberi keterangan bagi pihak pendakwa.

Saya berpendapat bahawa kedua-dua pihak telah menjalankan satu kajian yang amat mendalam untuk kes ini. Saya juga tidak mendapat kemudahan untuk bergantung pada mana-mana otoriti tempatan dalam kes ini kerana hasil penyelidikan saya dan kedua-dua pihak menunjukkan bahawa tiada lagi kes tempatan di bawah pertuduhan S. 45A APJ yang direpot dalam mana-mana jurnal undang-undang tempatan.

Saya kemukakan S. 45A APJ seperti berikut:

Seksyen 45A: Memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan.

(1) Mana-mana orang yang, apabila memandu atau cuba memandu sesuatu kenderaan motor atau apabila menjaga sesuatu kenderaan motor di sesuatu jalan atau tempat awam lain, mempunyai sebegitu banyak alkohol di dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(2) Adalah menjadi pembelaan bagi seseorang yang dipertuduh dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) untuk membuktikan bahawa pada masa yang material itu hal keadaan sebegitu rupa sehingga tiada kemungkinan dia memandu kenderaan itu semasa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya masih mungkin melebihi had yang ditetapkan.

(3) Apabila disabitkan bagi kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab-sebab khas memikirkan patut diperintah selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

Sesuatu Akta perlu dibaca secara menyeluruh. Untuk mendapatkan satu spesimen untuk menentukan sama ada seseorang itu ada melakukan satu kesalahan di bawah S. 45A, satu siasatan perlu dijalankan di bawah S. 45C. Saya kemukakan S.45C seperti berikut:

Seksyen 45C: Pengadaan spesimen bagi analisis.

(1) Dalam menjalankan penyiasatan sama ada seseorang telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A, seseorang pegawai polis boleh, tertakluk kepada seksyen ini dan seksyen 45D, menghendaknya-

(a) supaya mengadakan dua spesimen nafas bagi analisis melalui alat penganalisis nafas yang ditetapkan; atau

(b) supaya mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing bagi suatu ujian makmal,

walaupun dia telah dikehendaki supaya mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas di bawah subseksyen (1) seksyen 45B.

(2) Kehendak supaya mengadakan spesimen nafas di bawah seksyen ini hanya boleh dibuat di suatu balai polis.

(3) Ujian nafas di bawah seksyen ini hanya boleh dilakukan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan atau oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu balai polis dan hanya boleh dilakukan di suatu balai polis.

(4) Kehendak di bawah seksyen ini supaya mengadakan suatu spesimen darah atau air kencing hanya boleh dibuat di balai polis atau di hospital, tetapi ia tidak boleh dibuat di suatu balai polis melainkan jika-

(a) pegawai polis yang menghendaknya mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa atas sebab-sebab perubahan suatu spesimen nafas tidak dapat diadakan atau tidak patut dikehendaki;

(b) pada masa kehendak itu dibuat, alat penganalisis nafas yang ditetapkan itu tidak ada di balai polis itu atau atas apa-apa sebab lain adalah tidak praktik untuk menggunakan alat penganalisis nafas,

dan boleh dibuat walaupun orang yang dikehendaki mengadakan spesimen itu telah mengadakan atau telah dikehendaki mengadakan dua spesimen nafas.

(5) Jika suatu spesimen selain daripada spesimen nafas dikehendaki, pegawai polis yang menghendaknya hendaklah, tertaluk kepada nasihat perubatan, menentukan sama ada ia spesimen darah atau air kencing.

(6) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(6A) Apabila disabitkan kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab-sebab khas memikirkan patut diperintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu.

(6B) Walau apa pun subseksyen (4) dan (6A), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

OKT telah memberi satu spesimen yang menghasilkan bacaan 143mg alkohol dalam 100 ml darah. Bacaan kedua pula gagal bukan kerana OKT tidak diberi peluang untuk menghembus tetapi kerana hembusan OKT gagal memberi bacaan. SP2 mengatakan bahawa sebab bacaan batal adalah kerana hembusan OKT tidak cukup panjang dan melebihi masa. Apabila hembusan itu melebihi had masa yang ditentukan, mesin akan berhenti secara automatik.

Jika OKT gagal memberi sebarang bacaan, OKT boleh dituduh di bawah S. 45C. Walaupun dengan hanya satu bacaan, OKT boleh dituduh dibawah S.45A. Tiada peruntukan mandatori bahawa dua rekod hembusan mesti didapati.

Spesimen nafas di bawah S.45C hanya boleh di buat dibalai polis (lihat S.45C (2)). Ini bermakna, apabila seseorang itu ditahan di jalan kerana disyaki memandu di bawah pengaruh alkohol, dia perlu dibawa ke balai polis untuk diambil spesimen nafasnya.

OKT telah ditahan pada lebih kurang jam 2.15 pagi. SP3 telah menggunakan alat SD 2 VAS II dan mendapati bacaan OKT positif. SP2 juga mengatakan bahawa alat itu juga digunakan ke atas pemandu-pemandu lain pada malam itu.

Peruntukan S.45A & 45C menyatakan bahawa spesimen nafas mestilah diambil dibalai polis. Jangkawaktu OKT ditahan hingga ke waktu OKT memberikan bacaannya harus menunjukkan bahawa tiada kelewatan yang tidak munasabah berlaku. Hal ini kerana kandungan alkohol di dalam badan seseorang berubah dan jika berlaku kelewatan yang tidak munasabah, bacaan yang di ambil dibalai akan memprejudiskan OKT. Dalam kes ini, pihak polis tidak menunjukkan bahawa OKT dibiarkan tanpa sebab sehingga berlakunya kelewatan yang tidak munasabah.

Berkenaan penggunaan SD2 VAS II pula, bacaan positif daripada alat ini adalah untuk memberikan pihak polis satu alasan yang munasabah untuk mengarahkan OKT pergi ke balai polis untuk satu ujian pernafasan di bawah S.45C. Tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan pihak polis mengarahkan OKT berjalan lurus atau berdiri dengan sebelah kaki. Pihak pembelaan ketika berhujahkan isu ini mungkin terpengaruh dengan kaedah yang dijalankan di negara lain. Bacaan SD2 VAS II juga tidak menjadi isu kerana OKT tidak dituduh dengan bacaan alat itu. Walaupun bacaannya berbeza dengan bacaan EBA, ianya tidak menjadi satu faktor yang memprejudiskan OKT kerana ketepatan SD2 VAS II tidak dibuktikan dalam kes ini. Bacaan SD2 VAS II hanya digunakan sebagai kayu ukur kasar kandungan alkohol dalam darah OKT.

Harus diingati bahawa S.45A dan S.45C adalah berbeza dengan S.45B APJ. S.45B dikemukakan seperti berikut:

Seksyen 45B: Ujian nafas.

(1) Jika seseorang pegawai polis yang berpakaian seragam mempunyai sebab yang munasabah untk mengesyaki-

(a) bahawa seseorang telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 44 atau 45 melibatkan minuman yang memabukkan atau di bawah seksyen 45A;

(b) bahawa seseorang menjadi pemandu atau cuba memandu atau menjaga sesuatu kenderaan motor dalam suatu kemalangan yang melibatkan satu kenderaan atau lebih di sesuatu jalan awam atau tempat awam lain,

maka dia boleh, tertakluk kepada seksyen 45D, menghendaki orang itu supaya mengadakan spesimen nafas bagi suatu ujian nafas.

(2) Seseorang boleh dikehendaki di bawah subseksyen (1) supaya mengadakan spesimen sama ada di tempat atau dekat dengan tempat di mana kehendak itu dibuat atau, jika kehendak itu dibuat di bawah perenggan (b) subseksyen (1) dan pegawai polis yang membuat kehendak itu memikirkan patut, di balai polis yang ditentukan oleh pegawai itu.

(3) Ujian nafas yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) hendaklah dilakukan oleh pegawai polis yang menghendaki ujian itu dibuat atau mana-mana pegawai polis lain.

(4) Seseorang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mengadakan spesimen nafas apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

(4A) Apabila disabitkan kali kedua atau kali kemudian bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen ini, pesalah itu hendaklah, melainkan jika mahkamah kerana sebab-sebab khas memikirkan patut diperintahkan selainnya dan tanpa menjejaskan kuasa mahkamah untuk memerintahkan tempoh kehilangan kelayakan yang lebih panjang, dihilangkan kelayakan bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan dari tarikh sabitan itu daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu.

(4B) Walau apa pun subseksyen (4) dan (4A), jika seseorang yang memegang lesen memandu percubaan disabitkan di bawah seksyen ini, mahkamah hendaklah sesudah itu membatalkan lesen memandunya itu.

(5) Seseorang pegawai polis yang berpakaian seragam boleh menangkap tanpa waran seseorang jika-

(a) disebabkan oleh sesuatu ujian nafas dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing orang itu melebihi had yang ditetapkan; atau

(b) orang itu gagal mengadakan spesimen nafas bagi suatu ujian nafas apabila dikehendaki berbuat demikian menurut seksyen ini dan pegawai polis itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dia mempunyai alkohol di dalam badannya,

tetapi seseorang tidak boleh ditangkap menurut kuasa seksyen ini apabila dia berada di hospital sebagai seorang pesakit.

Pembacaan S.45B menunjukkan bahawa ianya tiada kena-mengena dengan S.45A. S.45B adalah ujian pernafasan di jalan. Peruntukan untuk pegawai polis berpakaian uniform hanya perlu jika OKT dituduh di bawah S.45B dan bukan di S.45A.

S.45C (2) tidak ada memperuntukkan bahawa polis perlu meminta daripada OKT satu spesimen nafas. Kehendak undang-undang adalah apabila satu spesimen nafas hendak diambil, ianya mesti diambil di balai polis. Pihak polis tidak perlu memohon ke OKT untuk dibawa ke balai polis dan untuk dapatkan kebenaran OKT.

Setelah menghalusi keterangan SP2 seperti yang dipohon oleh pihak pembelaan, saya berpendapat bahawa SP2 telah memaklumkan OKT bahawa terdapat keperluan mengambil dua spesimen nafas untuk S. 45C. Saya juga berpendapat bahawa SP2 telah menerangkan prosedur yang lengkap kepada OKT. Malah, OKT, sebagai seorang peguam (peguam bela yang bijaksana ada menyatakan bahawa OKT adalah seorang peguam ketika sebelum soal utama SP1) sepatutnya lebih mudah untuk faham prosedur ini. Ini adalah apa yang telah dikatakan oleh SP2:

“Setelah terima lelaki Cina itu, saya panggil dia duduk di depan saya. Saya bagi penerangan yang saya akan buat ujian padanya. Ujian yang diterangkan ialah ujian hembusan nafas dengan menggunakan mesin Lion Alcolmeter EBA. Dia juga tidak boleh merokok dalam 20 minit itu. Saya percaya OKT faham kerana tiada bantahan daripada OKT.”

Pihak pembelaan juga tidak menyoal balas SP2 berkenaan perkara ini. Kini, pihak pembelaan tidak boleh mengatakan bahawa keterangan SP2 harus dihalusi kerana pihak pembelaan gagal menghalusinya semasa soal balas.

Dalam P6, iaitu laporan tentuukur (*caliberation*) Sirim dan sijil kelayakan EBA, saya berpendapat bahawa memandangkan bahawa pihak pembelaan tidak membantah apabila pihak pendakwaan mengemukakan kedua-dua dokumen itu serentak ketika perbicaraan, pihak pembelaan tidak patut mengungkitkan bahawa sijil kelayakan EBA seharusnya diakemukakan secara berasingan.

Isu-isu yang berkenaan laporan tentuukur Sirim pula adalah tidak relevan dengan kes ini kerana jika terdapat satu sijil kelayakan EBA, laporan itu tidak relevan. Pihak pembelaan membangkitkan isu-isu seperti suhu 23 ° Celcius bukan merupakan suhu badan dan titik perpuluhan pada kandungan Standard Ethanol Solution yang digunakan untuk proses tentuukur ialah 79.87 mg / 100ml dan bukan 80mg seperti yang diperunrukkan adalah tidak relevan dan terlalu remeh. Saya menolak penghujahan pihak pembelaan kerana pihak pembelaan tidak mempersoalkan isu-isu ini ketika SP4 dan SP5 memberi keterangan. Dalam keterangan SP4 dan SP5, mereka menyatakan bahawa suhu badan adalah 34 ° Celcius dan bukan 23 ° Celcius seperti yang dihujahkan pihak pembelaan dan jika 79.87 mg / 100ml jika dibundarkan, bacaannya akan menjadi 80 mg / 100ml di mana ianya menepati kehendak undang-undang.

Alat EBA itu, ketika dihantar untuk ditentuukur di Sirim, telah disimpan oleh penyambut tetamu (*receptionist*) Sirim pada 17.1.2005. Penentuukuran alat itu hanya dilakukan pada 20.1.2005. Pihak pembelaan mempertikaikan apa yang telah berlaku pada alat EBA daripada 17.1.2005-20.1.2005 dan sama ada alat itu ditentuukur pada tahun-tahun sebelumnya.

Apa yang berlaku sebelum 20.1.2005 adalah tidak relevan untuk perbicaraan ini. Alat itu telah ditentuukur pada 20.1.2005 dan kejadian berlaku pada 3.4.3005. ketika kejadian, alat EBA itu masih dalam tempoh tentuukurnya. Membebaskan pihak pendakwaan dengan beban pembuktian sebelum 20.1.2005 adalah meregangkan konsep rantai bukti (*chain of evidence*) terlalu banyak. Alat EBA itu perlu ditentuukur sekali dalam masa 12 bulan. Bukti alat itu telah ditentuukur adalah berdasarkan satu perakuan kelayakan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kedua. Semua ini tertera dalam Kaedah 5 (4) Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Ujian Nafas, Darah dan Air Kencing) 1995 (KKM). Saya kemukakan Kaedah 5 dan Jadual Kedua:

Kaedah 5: Alat penganalisis nafas hendaklah diuji dan ditentukan oleh pihak berkuasa kompeten.

(1) Tiada alat penganalisis nafas boleh digunakan melainkan jika ia telah diperiksa dan ditentukan bagi kelayakan untuk digunakan dan ketepatan oleh pihak berkuasa kompeten.

(2) Tiap-tiap alat penganalisis nafas hendaklah diperiksa dan ditentukan bagi kelayakan untuk digunakan dan ketepatan oleh pihak berkuasa kompeten sekali dalam masa dua belas bulan.

(3) Walau apa pun subkaedah (2), apabila alat penganalisis nafas telah dibaiki atau dipasang dengan alat pengesan alkohol atau sistem persampelan nafas yang baru, ia hendaklah diperiksa semula dan ditentukan semula bagi kelayakan untuk digunakan dan ketepatan selepas sahaja pembaikan atau pemasangan itu.

(4) Jika alat penganalisis nafas itu didapati layak digunakan dan tetap menurut subkaedah (1) dan (3) pihak berkuasa kompeten hendaklah mengeluarkan suatu perakuan kelayakan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(Penggunaan bold menunjukkan kaedah yang diikuti.)

Menurut Jadual Kedua, buatan, model dan no. Siri alat penganalisis nafas mesti dinyatakan. Berikut adalah contoh perakuan kelayakan di Jadual Kedua dan perakuan kelayakan yang ditender pihak pendakwa.

JADUAL KEDUA:

[Subkaedah 5(4)]

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (UJIAN NAFAS,
DARAH DAN AIR KENCING) 1995

PERAKUAN KELAYAKAN

Nombor Siri.....

Saya
(*nama dan nama jawatan pegawai*) yang adalah pihak berkuasa kompeten yang dinyatakan dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Ujian Nafas, Darah dan Air Kencing) 1995, dengan ini memperakui bahawa saya telah menguji dan menentukan (***nyatakan buatan, model dan nombor siri alat penganalisis nafas***) dan telah, hasil daripada keputusan ujian dan penentukuran yang dilakukan pada.....19....., mendapati alat penganalisis nafas itu adalah dalam lingkungan.....peratusan ketepatan yang diterima.

Dikeluarkan pada.....19.....

Tandatangan.....

.....
.....

(*Nama dan nama jawatan pegawai*)

Sijil kelayakan EBA yang ditender sebagai P6 adalah seperti berikut:

JADUAL KEDUA:

[Subkaedah 5(4)]

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (UJIAN NAFAS,
DARAH DAN AIR KENCING) 1995

PERAKUAN KELAYAKAN

Nombor Siri MA 026

Saya HASLINA BTE ABDUL KADIR yang adalah pihak berkuasa kompeten yang dinyatakan dalam kaedah 2 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Ujian Nafas, Darah dan Air Kencing) 1995, dengan ini memperakui bahawa saya telah menguji dan menentukan **EBA MA 026** dan telah, hasil daripada keputusan ujian dan penentukuran yang dilakukan pada 20 Januari 2005 mendapati alat penganalisis nafas itu adalah dalam lingkungan 5% peratusan ketepatan yang diterima.

Dikeluarkan pada 2 Februari 2005

Tandatangan t.t (Haslina's signature)

t.t.

Dr. Osman Bin Zakaria
Ketua Seksyen
Seksyen Kimia
Makmal Metrologi Kebangsaan

Pada hemat saya, terdapat satu kekurangan pada sijil kelayakan ini. Sijil ini gagal memperagakan buatan EBA. Namun demikian, kekurangan ini telah dapat diperbaiki dengan keterangan SP4 dan SP5 di mana mereka mengatakan buatan EBA adalah Lion Alcolmeter. Perkara ini tidak menimbulkan sebarang keraguan munasabah di minda saya.

Saya berhenti sejenak untuk merumuskan kes pendakwaan pada tahap ini. Daripada OKT ditahan di lokasi kejadian, ujian hembusan SD 2 VAS II yang memberikan bacaan positif, pemanduan OKT ke balai trafik, ujian nafas EBA OKT yang menunjukkan bacaan 143mg alkohol /80 ml darah hingga ke pertuduhan OKT di bawah S.45A pihak pembelaan gagal menunjukkan sebarang kecelaan pada kes pendakwaan. Jika ini sahaja isu yang dipertikaikan, maka saya pasti akan memanggil OKT untuk membela diri kerana pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT.

Berdasarkan kes **Balachandran V. PP, [2005] 1 CLJ 85**, prima facie yang perlu ditentukan Mahkamah adalah berdasarkan prinsip berikut:

“The result is that the force of the evidence adduced must be such that, if unrebutted, it is sufficient to induce the court to believe in the existence of the facts stated in the charge or to consider its existence so probable that a prudent man ought to act upon the supposition that those facts exist or did happen. On the other hand if a prima facie case has not been made out it means that there is no material evidence which can be believed in the sense as described earlier. In order to make a finding either way the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established. As the trial is without a jury it is only with such a positive evaluation can the court make a determination for the purpose of s. 180(2) and (3).

Of course in a jury trial where the evaluation is hypothetical the question to be asked would be whether on the evidence as it stands the accused could (and not must) lawfully be convicted. That is so because a determination on facts is a matter for ultimate decision by the jury at the end of the trial. Since the court, in ruling that a prima facie case has been made out, must be satisfied that the evidence adduced can be overthrown only by evidence in rebuttal it follows that if it is not rebutted it must prevail. Thus if the accused elects to remain silent he must be convicted. The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

As the accused can be convicted on the prima facie evidence it must have reached a standard which is capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt. However it must be observed that it cannot, at that stage, be properly described as a case that has been proved beyond reasonable doubt. Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s. 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.”

Dalam **PP V. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457** , Gopal Sri Ram JCA mengatakan sedemikian:

“For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:-

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is "Yes", then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is "No" then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

*(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in **Mat v. Public Prosecutor [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263.**”*

Berikut pula adalah apa yang dikatakan dalam **Mat v. Public Prosecutor [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263:**

“The correct law for Magistrates to apply is as follows. If you accept the explanation given by or on behalf of the accused, you must of course acquit. But this does not entitle you to convict if you do not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence you are left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

The position may be conveniently stated as follows:

*(a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt ... **Convict.***

*(b) If you accept or believe the accused's explanation ... **Acquit.***

*(c) If you do not accept or believe the accused's explanation ... **Do not convict but consider the next steps below.***

*(d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... **Convict***

*(e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... **Acquit***

Dan yang paling mutakhir adalah keputusan Mahkamah Persekutuan dalam **PP V. Hanif Basree Abdul Rahman [2008] 4 CLJ 1** di mana Zaki Tun Azmi PCA (pada ketika itu) telah mengendorskan keputusan-keputusan di atas. Berikut adalah apa yang telah diputuskan:

*"Prior to this amendment, as a result of the decision in **Haw Tua Tau**, there had been heated discussions on the term *prima facie* in relation to burden of proof at the close of the prosecution case. After the amendment, the discussions on this subject continued culminating in **Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85** and **PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457**, both Federal Court judgments. Since then, Parliament has introduced the definition of *prima facie*. That term is now defined as "where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction". The saga of "the *prima facie* case" will continue when the curtain rises again in the near future.*

*For now, it is not necessary to go into that subsection since it cannot apply retrospectively to our present case since it affects the substantial rights of the accused. There is nothing to indicate any intention as to its retrospective effect but even if it does, it would run foul of art. 7 of the Federal Constitution (see **Dalip Bhagwan Singh v. Public Prosecutor [1997] 4 CLJ 645 at pp. 663 to 665**) and **Public Prosecutor v. Ishak Hj. Shaari & other appeals [2003] 3 CLJ 843 at pp. 851 and 852**).*”

Keterangan polis dalam Mahkamah perlulah diterima seandainya tiada bukti lain yang boleh menyangkalnya. Hal ini dapat dilihat dalam **PP v. Mohamed Ali [1962] 1 LNS 129** di mana Thomson CJ menyatakan:

*“If Magistrates are going to adopt this sort of attitude to Police evidence in connection with road traffic cases there will be an end to all law enforcement in the country. **When a Police witness says something that is not inherently improbable his evidence must in the first instance be accepted. If he says he saw a cow jumping over the moon his evidence is, of course, not to be accepted, but if he says he saw a cow wandering along one of the main streets of Kuala Lumpur (the sort of thing we all see every day of our lives) there is not the slightest justification for refusing to believe him. Of course if his evidence is contradicted by other evidence or is shaken by cross-examination then it becomes the business of the Magistrate to decide whether or not it should be accepted. In the absence of contradiction, however, and in the absence of any element of inherent improbability the evidence of any witness, whether a Police witness or not, who gives evidence on affirmation, should normally be accepted.**”*
(Penekanan dalam Bold adalah daripada saya.)

Namun demikian, terdapat satu isu tunggal yang telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah pada minda saya. Isunya adalah berkenaan Kaedah 3 KMM. Saya kemukakan Kaedah 3 di bawah:

Kaedah 3: Alat penganalisis nafas.

Alat penganalisis nafas yang hendak digunakan bagi maksud menjalankan ujian nafas di bawah seksyen 45C Akta hendaklah **alat penganalisis nafas yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.**

Bagi maksud "Menteri", Seksyen 2 APJ menyatakan bahawa "Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;

Pihak pembelaan menyatakan bahawa EBA yang digunakan hendaklah ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa. Perkara ini tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Pihak pembelaan mengatakan Mahkamah tidak boleh menerima pakai EBA itu hanya kerana pihak polis trafik menggunakannya dari dahulu lagi, ia tidak bermakna bahawa ianya alat yang menurut ketetapan Menteri.

Seperti yang saya katakan di awal penghakiman ini, saya tidak mempunyai kes tempatan sebagai sumber rujukan, pihak pembelaan ada merujuk kepada kes dari United Kingdom. SKes itu adalah ***Scott v. Baker [1968] 2 All ER 993.***

Di dalam ***Scott v. Baker***, peruntukan Road Safety Act 1967 menyatakan bahawa alat yang digunakan untuk menguji kandungan alkohol dalam badan seseorang mestilah diluluskan oleh Setiausaha Negeri. Pihak pendakwaan dalam kes itu telah pun mengemukakan satu pekeliling yang menunjukkan bahawa alat yang digunakan telah diluluskan oleh Setiausaha Negeri tetapi pekeliling tersebut ditolak oleh Mahkamah. Lord Parker C.J. mengatakan berikut berkenaan pekeliling tersebut:

“I say that that was a little naïve because it is now conceded, and properly conceded, that this circular is not admissible at all as evidence of the approval, if any, by the Secretary of State. A similar circular in fact was sent to all courts of assize, quarter sessions and justices of peace; but, equally, it is conceded that that is no evidence of the approval of the device used by the police officer.”

Beliau turut menyatakan berikut:

“In my judgment, it would be going a very long way in the present case to say that, because the police as public officers should act properly in the administration of the Act of 1967, therefore one can eliminate any question of mistake and assume that they are using a device which has properly been approved by the Secretary of State. After all, until the order of February 9 1968, nobody knew what, if any, device the Secretary of State had in fact approve. Bearing in mind that this is a criminal case, it seems to me that it would be going much too far to press the presumption of omnia praesumuntur to the length of saying that there was a prima facie case here that the device used was of a type approved by the Secretary of State.”

Dalam Kaedah 3 KKM, tidak dinyatakan bahawa alat EBA hendaklah di luluskan oleh Menteri tetapi ditentukan oleh Menteri. Saya berpendapat bahawa jika terdapat sebarang bukti, tidak kira sama ada ianya satu pekeliling, Warta Kerajaan, surat daripada Menteri atau sebagainya, adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa EBA adalah alat penganalisis nafas yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa. Malangnya, pihak pendakwaan gagal mengemukakan sebarang bukti sedemikian.

Pihak pendakwaan ada memohon Mahkamah menggunakan *judicial notice* untuk mengambil kira bahawa EBA adalah alat yang telah ditentukan oleh Menteri tetapi tiada warta kerajaan yang dikemukakan untuk Mahkamah mengambil *judicial notice*.

Atas isu ini, dan hanya isu ini sahaja, satu keraguan munasabah telah timbul di kes pendakwaan. Dalam erti kata lain, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan semua elemen-elemen S.45A dan telah menstrukturkan kes pendakwaan dalam satu longgokkan yang disimpulkan dengan satu tali. Tali itu, jika ikatannya cukup kuat akan memastikan *prima facie* pada kes pendakwaan dan OKT akan dipanggil untuk membela dirinya. Tali itu adalah alat EBA itu sendiri.

Malangnya, tali itu tidak diikat dengan ikatan yang cukup kukuh. Tiada bukti bahawa EBA itu adalah alat penganalisis nafas yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa. Ikatan longgokkan kes pendakwaan terburai dan saya berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT.

OKT dengan ini telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa dipanggil untuk pembelaan.

Dalam orbiter, saya ingin membuat teguran terhadap budibicara anggota trafik yang membuat operasi di jalan. Contohnya dalam kes ini di mana SP3 telah membenarkan OKT memandu kenderaannya selepas disyaki dipengaruhi alkohol. Alasan mengapa SP3 membenarkan OKT untuk terus memandu adalah kerana OKT telah meminta dengan baik dan untuk mengelakkan pertelingkahan, SP3 termakan dengan pujukan OKT.

Saya merasakan ini sebagai satu penggunaan budi bicara yang melebihi kuasa. Membenarkan OKT untuk terus memandu selepas mengesyaki OKT di bawah pengaruh alkohol adalah salah dan amat membahayakan. Bahaya ini adalah kepada diri OKT sendiri yang tidak dapat dipastikan kestabilan mindanya kerana pengaruh alkohol, bahaya kepada SP3 yang menjadi penumpang OKT dan yang paling ketara, bahaya kepada pengguna-pengguna jalan yang lain. SP3 tidak sepatutnya membenarkan OKT memandu. Mengelakkan pertelingkahan bukan satu pilihan. Jika OKT berdegil atau berlawan, gunakanlah kuasa yang ada untuk menahan OKT.

OKT pula tidak sepatutnya meminta untuk terus mengawal kenderaannya selepas mengetahui bahawa bacaannya dengan SD2 VAS II adalah positif. Saya tidak meragukan keupayaan OKT dalam membuat pertimbangan ketika itu tetapi apabila mengetahui bahawa bacaan awalnya adalah positif, OKT tidak patut memohon SP3 untuk terus memandu. OKT sebagai seorang peguam dan pengamal undang-undang di Malaysia sepatutnya lebih arif daripada meminta sesuatu yang amat membahayakan seperti ini.

(SYED ADAM ALHABSHI)

Majistret

Mahkamah Majistret Trafik

Kuala Lumpur.